

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji
Ahmad [Mersing]**

TARIKH : 17 Mei 2016

**SOALAN : Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji
Ahmad minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-**

nilai kerugian yang dialami oleh petani dan penternak akibat daripada cuaca panas melanda negara sekarang. Apakah pelan tindakan Kementerian serta skim bantuan yang disediakan untuk membantu golongan petani dan penternak sekiranya cuaca panas ini berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh fenomena El-Nino telah bermula pada bulan Januari 2016 dan dijangka akan berakhir pada bulan Jun 2016.

Kementerian melalui Jabatan dan Agensi masih menjalankan pemantauan dan bantuan terhadap kawasan-kawasan dan petani serta penternak yang terlibat. Sehingga Mei 2016,

bilangan petani dan penternak yang terjejas adalah seramai **1,902 orang** dengan anggaran nilai kerugian sebanyak **RM27.02 juta**. Anggaran kasar kerugian hasil padi di negeri-negeri yang terjejas akibat kemarau sehingga kini direkodkan sebanyak RM474,747.00 melibatkan seramai 116 orang. Manakala anggaran nilai kerugian bagi tanaman padi di Negeri Kedah adalah sebanyak RM215,397.00 melibatkan 61 orang. Walau bagaimanapun, di kawasan Muda, tiada anggaran kerugian direkodkan memandangkan aktiviti penanaman baru bermula seperti yang dijadualkan.

Langkah proaktif bagi mengurangkan kesan fenomena El-Nino kepada sektor agromakanan telah diambil mengikut subsektor masing-masing. Antara langkah-langkah yang

telah dilaksanakan bagi **subsektor tanaman** adalah seperti berikut:

- i. Mempergiatkan aktiviti pengembangan (khidmat nasihat) kepada petani;
- ii. Penjadualan semula penanaman padi di kawasan yang terjejas akibat El-Nino serta memastikan sumber air mencukupi sebelum penanaman padi dimulakan;
- iii. Pembinaan empangan kecil, pembinaan telaga tiub sekiranya bersesuaian, penyelenggaraan telaga tiub sedia ada dan penyediaan pam-pam bergerak;
- iv. Menggalakkan penggunaan air secara minimum dengan menggunakan sistem pengairan titis (*drip irrigation*) dan *mist blower* terutamanya untuk sayuran berdaun; dan
- v. Menggalakkan penggunaan teknik sungkupan daripada bahan organik bagi mengurangkan kehilangan air dari tanah.

Bagi **subsektor ternakan**, fenomena El-Nino telah memberi kesan terhadap ternakan ayam yang menggunakan sistem reban terbuka dan ternakan ruminan. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah:

- i. Memberi khidmat nasihat kepada penternak melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar supaya faktor-faktor 'stress' terhadap ternakan dikurangkan;
- ii. Menyediakan pek makanan ternakan ruminan yang mengandungi kombinasi vitamin dan cecair tenaga (*stress pack*) sekiranya terdapat keperluan; dan
- iii. Penternak juga dinasihatkan agar menyediakan air minuman secukupnya kepada ternakan.

Bagi **subsektor ternakan akuakultur**, langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Mempergiatkan khidmat nasihat kepada penternak serta memaklumkan mereka agar mengganggu operasi ternakan sekiranya fenomena El-Nino berterusan;
- ii. Menasihatkan pengusaha agar mengurangkan kadar tebaran benih dan kadar pemberian makanan;
- iii. Mengubah kedudukan sangkar ke kawasan yang lebih dalam dan menuai hasil apabila sudah mencapai saiz pasaran; dan
- iv. Meminimumkan penggunaan air di dalam sistem terkawal (seperti kolam dan hatcheri) melalui sistem air kitar semula.

Bagi membantu petani dan penternak yang terjejas akibat fenomena El-Nino, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan beberapa **bentuk bantuan** iaitu:

- i. Pemberian input pertanian berdasarkan stok sedia ada di daerah-daerah dan pembinaan telaga tiub;
- ii. Pemberian input ternakan (benih dan makanan ikan) kepada pengusaha akuakultur. Satu juta ekor benih ikan tilapia dan patin daripada Pusat Pengembangan dan Pusat Penyelidikan Jabatan Perikanan akan disalurkan kepada penternak mengikut kesesuaian keadaan;
- iii. Bantuan ihsan di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan (TBBA) boleh dipertimbangkan untuk petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani berskala kecil yang mengalami kerugian disebabkan oleh kemusnahan dan kematian hasil pertanian akibat bencana alam bagi membantu mereka meneruskan aktiviti pertanian.

Walaupun bagaimanapun, bantuan hanya akan disalurkan setelah banciaan selesai dilaksanakan dengan mengambil kira peruntukan kewangan dan undang-undang.